

MALAYSIA

SURAT AKUAN

Saya _____
Nombor *K/P atau Nombor Pasport _____
yang beralamat di _____

_____ dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah warganegara _____;
- (2) Saya tidak pernah disabitkan sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia atas apa-apa kesalahan dan dikenakan hukuman denda tidak kurang dari RM1,000 atau penjara tidak kurang dari setahun;
- (3) Tidak pernah dibuat atau berkuat kuasa terhadap saya:
 - (i) suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi; atau
 - (ii) dikenakan terhadap saya apa-apa bentuk sekatan, atau pengawasan, sama ada dengan bon atau sebaliknya, di bawah mana-mana yang berhubungan undang-undang keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagian Malaysia, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen;
- (4) Saya tidak pernah disabitkan sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia atas apa-apa kesalahan:
 - (i) berkaitan penubuhan atau pengurusan amanah;
 - (ii) yang melibatkan penipuan, ketidakjujuran atau pecah amanah; dan
 - (iii) tidak pernah dipenjarakan kerana mana-mana kesalahan, tersebut dalam tempoh 5 tahun sebelum tarikh Surat Akuan ini;
- (5) Bahawa saya bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan hutangnya;
- (6) Saya tidak pernah didapati atau diisytiharkan sebagai seorang yang tidak siuman;
- (7) Saya telah membaca dan faham sepenuhnya semua suratcara berkaitan dengan pelantikan saya sebagai pemegang amanah dan mengandungi tujuan amanah, terma-terma dan syarat-syarat pelantikan pemegang amanah (selepas ini dirujuk sebagai surat cara amanah tersebut);

- (8) Saya akan mentadbirkan dana dan harta amanah ini dan mematuhi serta menurut terma dan syaratnya seperti yang ditetapkan oleh suratcara amanah tersebut atau yang dikehendaki oleh undang-undang, termasuk Akta Pemegang Amanah 1949 dan khususnya Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952;
- (9) Saya dengan rela hati memberi persetujuan dan menerima pelantikan untuk bertindak sebagai pemegang amanah _____ (nama yayasan) termasuk mentadbir dana amanah yang ditubuhkan menurut surat cara amanah tersebut;
- (10) Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua pernyataan dan butir-butir dalam permohonan kepada Menteri bagi mendapatkan satu sijil pendaftaran pemegang amanah/ pemegang-pemegang amanah* adalah benar dan tepat;
- (11) Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya menyatakan bahawa keterangan dan maklumat mengenai diri saya yang diberikan kepada _____ (nama yayasan) bagi maksud pelantikan saya sebagai salah seorang daripada pemegang-pemegang amanahnya adalah benar dan tepat dan mengikut peruntukan di bawah Seksyen 4(2) Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952;

dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalam perakuan ini adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat oleh)
)
 (No. K/P:)
 di dalam negeri)
 pada)

di hadapan)
)
)
)